

# KETOKOHAN CENDEKIAWAN KELANTAN: AHMAD ISMAIL ASASI

*KELANTAN SCHOLARS: AHMAD ISMAIL ASASI*

Shafwan bin Ismail<sup>1</sup>  
Noorhanis binti Amran<sup>2</sup>  
Amrina Rasyada binti Kamaruzaman<sup>3</sup>

<sup>1</sup>Fakulti Pengajian Islam Kontemporari, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS), Nilampuri, Kota Bharu, Malaysia. (Email: ismailshafwan@gmail.com)

<sup>2</sup>Pusat Pengajaran Teras, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS), Nilampuri, Kota Bharu, Malaysia (Email: hanisnoor91@gmail.com)

<sup>3</sup>Fakulti Pengajian Islam Kontemporari, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS), Nilampuri, Kota Bharu, Malaysia (Email: amrina.rasyada93@gmail.com)

## Article history

Received date : 10-6-2024  
Revised date : 11-6-2024  
Accepted date : 17-8-2024  
Published date : 15-10-2024

## To cite this document:

Ismail, S., Amran, N., & Kamaruzaman, A. R. (2024). Ketokohan Cendekiawan Kelantan: Ahmad Ismail Asasi. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 9 (66), 978-989.

**Abstrak:** *Kajian ini membahas peranan tokoh cendekiawan Kelantan iaitu Ahmad Ismail Asasi dalam membentuk minda dan budaya hidup berteraskan agama di Kelantan. Dengan fokus pada sumbangan beliau dalam bidang penulisan dan karya sastera, artikel ini menggambarkan bagaimana Ahmad Ismail Asasi memainkan peranan penting dalam menggerakkan pemikiran progresif dalam kalangan masyarakat di Kelantan. Kaedah kajian ini dilakukan melalui penelitian secara terperinci terhadap karya-karya beliau serta temu bual tokoh. Kajian ini menggariskan bagaimana Ahmad Ismail Asasi menjadi agen perubahan dalam masyarakatnya. Dengan penekanan pada nilai-nilai agama dan semangat kebangsaan, beliau telah memberi inspirasi kepada generasi muda untuk memperjuangkan kemajuan dan kesedaran agama dalam masyarakat Melayu.*

**Kata Kunci:** *tokoh, cendekiawan, Ahmad Ismail Asasi*

**Abstract:** *This study discusses the role of Kelantan scholar Ahmad Ismail Asasi in shaping the mind and culture of religious life in Kelantan. Focusing on his contribution in the field of writing and literary works, this article describes how Ahmad Ismail Asasi played an important role in mobilizing progressive thinking among the community in Kelantan. The method of this study was conducted through a detailed study of his works as well as interviews of figures. This study outlines how Ahmad Ismail Asasi became an agent of change in his community. With an emphasis on religious values and national spirit, he has inspired the younger generation to fight for progress and religious consciousness in Malay society.*

**Keywords:** *scholar, Ahmad Ismail Asasi*

## Pendahuluan

Pada awal abad ke 20, Kelantan telah menyaksikan kemunculan tokoh-tokoh ulama dan cendekiawan Melayu yang ramai. Dalam tempoh ini, tiga orang tokoh ulama Kelantan pulang ke Kelantan dalam waktu yang hampir sama. Mereka ialah Hj Nik Mahmud Ismail (kemudian Dato' Bentara Setia dan Dato' Perdana Menteri Paduka Raja), Hj Awang Mohd Yusoff bin Ahmad (Tok Kenali) dan Hj Muhammad bin Khatib Hj Mohd Said (Dato' Bentara Jaya dan kemudian Dato' Laksamana). Hj Nik Mahmud pulang sekitar tahun 1905, diikuti Tok Kenali pada awal tahun 1909 dan Hj Muhammad pulang pada penghujung tahun 1914 (Abdul Razak Mahmud: 2010). Mereka telah memainkan peranan yang sangat besar dalam bidang dakwah dan pentadbiran di Kelantan.

Tiga tokoh tersebut telah berjaya membawa perubahan yang ketara di Kelantan kerana mampu menyepakukan di antara aspek keilmuan, penulisan dan pentadbiran Islam. Penubuhan Majlis Agama Islam Kelantan (MAIK) pada 24 Disember 1915 merupakan acuan kesepakuan dari tiga rangkai pendekatan baru dakwah Islamiah tersebut. Ia merupakan cetusan idea dan hasil usaha gigih yang dimainkan oleh tiga tokoh tersebut. Dengan tertubuhnya MAIK, maka tiga rangkai medium dakwah itu menjadi sangat subur dengan penyebaran ilmu melalui penubuhan sekolah-sekolah, penerbitan buku-buku agama dan penerbitan majalah *Pengasuh* yang menjadi lidah rasmi MAIK dan aktiviti-aktiviti yang lain (Abdul Rahman Al Ahmadi: 2004).

Perjuangan Dato' Laksamana, Hj Nik Mahmud, Tok Kenali dan tokoh-tokoh seangkatan dengannya telah melahirkan pula tiga orang tokoh cendekiawan yang gemilang dalam sejarah Kelantan sebelum Perang Dunia Kedua. Mereka telah memainkan peranan yang berkesan dalam meningkatkan kesedaran keagamaan, sosial dan politik di Kelantan. Mereka terdiri daripada tokoh pendakwah, penulis, sejarawan, pengkritik sosial dan ahli politik terkemuka. Tiga tokoh yang dimaksudkan adalah Ahmad Ismail Asasi (1899-1969), Abdul Kadir Adabi (1901-1944) dan Asaad Shukri bin Hj Muda (1905-1971).

Ahmad Ismail Asasi adalah tokoh yang paling tua daripada mereka bertiga. Beliau telah memainkan peranan penting di dalam persuratan Wilayah Timur khususnya, dan Malaysia amnya. Beliau telah menggunakan penulisan sebagai medium dakwah yang penting. Tulisan-tulisan beliau adalah dalam bentuk cerpen dan artikel disiarkan di dalam majalah-majalah seperti *Pengasuh*, *al Hidayah* dan *al Hikmah*. Pemikiran beliau yang progresif dalam bidang agama, sosial dan politik telah mendahului zamannya. Hal ini telah menyuburkan persuratan Melayu Wilayah Timur dan meletakkannya pada suatu tempat yang istimewa dengan pancaran idea-idea yang baharu dan bermanfaat untuk pembangunan Masyarakat Melayu Kelantan. Namun, sumbangan tokoh ini kurang diberi perhatian dan ditonjolkan oleh penulis dan pengkaji hari ini. Oleh itu, kajian ini cuba membincangkan tentang Ahmad Ismail Asasi sebagai tokoh penulis dan pendakwah yang telah berperanan memberi reaksi terhadap kemunduran di dalam bidang sosial dan politik yang melanda masyarakat Melayu Kelantan khasnya dan penduduk Tanah Melayu amnya. Kajian ini dilakukan untuk menganalisis ketokohan Ahmad Ismail Asasi di dalam bidang persuratan Melayu Kelantan yang merupakan sumbangan pemikirannya yang sangat bernilai kepada Masyarakat Kelantan sebelum Perang Dunia Kedua. Semoga sebuah kajian yang bersifat akademik tentang Ahmad Ismail Asasi dapat dihasilkan.

### Sejarah Hidup Ahmad Ismail Asasi

Nama sebenar beliau adalah Ahmad bin Ismail, dilahirkan di Kota Bharu pada 3 Ogos 1899. Beliau terkenal dengan gelaran Ahmad Ismail Asasi. Kadang-kadang digelar juga Ahmad Ismail Sahsiah. Kedua-dua gelaran tersebut adalah berkait rapat dengan penglibatan atau sifat yang dimiliki beliau. Gelaran Asasi kerana beliau adalah pengasas Matbaah Asasiah yang terkenal di Kota Bharu. Manakala beliau digelar Sahsiah (Alias Muhammad:tt) pula kerana perangainya yang tertib dan prinsipnya yang sentiasa taat setia kepada kerajaan.

Dalam temubual bersama Zabidah Hassan (2016) Ayahanda beliau iaitu Hj Ismail bin Hj Hamat, adalah seorang yang alim dalam bidang agama. Beliau adalah berasal dari keturunan bangsawan dan dikatakan dari keturunan raja Pahang yang sebelumnya berasal dari Siam. Hj Ismail telah melarikan diri ke Kota Bharu dari Kuala Lipis, Pahang setelah berlaku krisis keluarga di sana. Beliau kemudiannya menetap dan membina keluarganya di Kota Bharu. Beliau berasal dari keturunan Tengku. Namun begitu beliau tidak suka dikenali sebagai ‘Tengku’ lalu membuang pangkat keturunan tersebut dan memilih untuk hidup seperti orang kebanyakan. Khadijah ibundanya pula, jika ditinjau dari segi leluhurnya juga berasal dari Siam. Ayahnya adalah seorang ‘Tok Cha’ (Sami Budha) yang terkenal dengan ‘Cha Poloh’ dari Legor (Nakong Sritamarat), Thailand. Menurut cerita, ‘Cha Poloh’ ini kemudiannya memeluk agama Islam kerana melihat Al Quran yang diletakkan di atas bumbung tokong Budha di sana. Setelah memeluk agama Islam, beliau menukar nama kepada Abdul Rahman.

Ditinjau dari sejarah pendidikan Ahmad Ismail, beliau tidak mendapat pendidikan tinggi di universiti atau pendidikan di luar negara seperti kebanyakan tokoh-tokoh tersohor yang lain pada masa itu. Semasa kecilnya, Ahmad Ismail berpeluang mendapat pendidikan awal di sekolah Melayu di Kota Bharu hingga darjah dua sahaja, iaitu antara tahun-tahun 1912-1915. Selepas itu beliau belajar di sekolah Inggeris swasta di Kota Bharu yang dimiliki oleh seorang guru yang berasal dari Sri Langka selama lapan bulan (Alias Muhammad: tt). Kemudian setelah Sekolah Melayu Majlis dibuka pada tahun 1917 (Ashaari Yusoff: 1975/76), beliau memasuki sekolah tersebut. Semasa ini di Sekolah Melayu Majlis beliau ditempatkan di satu kelas khas bersama murid-murid yang sudah boleh membaca dan menulis. Semasa di sekolah inilah beliau berpeluang bergaul dengan guru-guru, pembesar-pembesar Majlis Agama Islam Kelantan dan pembesar-pembesar negeri yang banyak memberi dorongan kepada beliau untuk menceburkan diri di dalam bidang penulisan dan berusaha sendiri.

Ahmad Ismail seorang yang berkebolehan dalam bahasa Arab, walaupun tidak pernah menimba ilmu di negara-negara Arab. Kemahiran bahasa Arab diperolehi hasil usaha gigih belajar sendirian. Guru beliau terdiri daripada kawan-kawan yang mahir dalam bahasa Arab dan juga berpandukan kamus-kamus “Arab – Inggeris serta Inggeris – Arab”. Usaha beliau dalam mempelajari bahasa Arab akhirnya membolehkan beliau menterjemah karangan-karangan dalam bahasa Arab ke dalam bahasa Melayu untuk menjadi bahan bacaan kepada masyarakat Melayu yang sangat dahagakan maklumat pada waktu itu (Alias Muhammad:tt). Ketika berumur 20-an, beliau telah memperlihatkan bakat dan kebolehan yang tinggi dalam penguasaan bahasa Arab. Diperhatikan beliau telah mula menyadur novel-novel dari bahasa Arab ke bahasa Melayu untuk memenuhi minat pembaca-pembaca cerita pada masa itu. Beliau di antara penulis awal yang menulis cerpen dan novel moden di Kelantan. Beliau juga berpeluang mempelajari bahasa Arab dengan Tok Kenali yang terkenal dengan kealimannya di dalam ilmu Nahu secara perseorangan dan mendapat galakan yang kuat untuk membaca buku-buku Arab dan majalah-majalah Arab yang dikeluarkan di Timur Tengah seperti majalah al-

Hilal yang diterbitkan di Mesir. Selain Tok Kenali, beliau juga berpeluang belajar bahasa Arab dengan Dato' Hj Ahmad Maher Azhari.

Selain bahasa Arab, Ahmad Ismail juga dapat menguasai beliau bahasa Inggeris dengan baik hasil usaha sendiri setelah mendapat pendidikan asas di sekolah swasta di Kota Bharu selama lapan bulan. Kemudian setelah kelas bahasa Inggeris dibuka di Madrasah Muhammadiyyah Majlis beliau mengikuti pelajaran bahasa Inggeris di kelas ini pula. Menurut anaknya Ghazali bin Ahmad, ayahnya pada masa itu terpaksa curi-curi belajar Bahasa Inggeris tanpa pengetahuan kedua orang tuanya kerana pada waktu itu pendidikan Inggeris amat diragui oleh masyarakat Melayu kerana khawatir anak-anak mereka akan terpengaruh dengan agama yang dibawa oleh orang Inggeris itu (Ghazi, 2016). Walaupun Ahmad Ismail tidak mendapat pendidikan tinggi di universiti Eropah atau Timur Tengah seperti tokoh-tokoh lain yang terlibat dengan pengeluaran majalah di Kelantan pada waktu itu, tetapi kebolehan beliau dalam bidang penulisan menyamai golongan yang mendapat pendidikan di luar negara.

### **Hubungan Dengan Tok Kenali**

Hubungan Ahmad Ismail dengan tokoh ulama yang terkenal iaitu Tok Kenali sangat akrab. Boleh dikatakan setiap hari mereka bertemu dan berbincang tentang masalah agama di pejabat Matbaah Asasiah, di Kota Bharu yang selalu menjadi tempat persinggahan Tok Kenali, kerana Tok Kenali adalah seorang ulama yang sangat gemar membaca majalah-majalah untuk mengetahui berita-berita dalam dan luar negara. Majalah-majalah ketika itu banyak terkumpul di pejabat Matbaah Asasiah, kerana dipesan oleh Ahmad Ismail untuk dijadikan rujukan beliau di dalam penulisannya. Ahmad Ismail juga membuat langganan khas majalah ‘Live’ yang diterbitkan di London bagi mendapat berita-berita dari Eropah. (Faridah Hanum:1992)

Menurut temu bual bersama Abdullah Al-Qari (2015) pada 1923, Ahmad Ismail mula menerbitkan majalah al Hidayah. Kemudian pada 1934 majalah al Hikmah pula diterbitkan. Adalah dipercayai beliau telah menterjemah banyak idea Tok Kenali dan disiarkan di dalam majalah-majalah tersebut, kerana Tok Kenali sendiri tidak banyak menulis disebabkan sibuk mengajar murid-murid beliau yang ramai. Malah idea penerbitan majalah al Hidayah sendiri adalah cetusan idea beliau bersama Tok Kenali (Salahuddin Abdullah :2010). Menurut Abdullah Al Qari, Ahmad Ismail adalah di antara anak murid Tok Kenali yang berjaya, disamping sepuluh orang tokoh lain seperti Syaikh Muhammad Idris Al Marbawi, Dato' Hj Ahmad Maher, Syaikh Uthman Jalaluddin Al Kelantani dan lain-lain (Abdullah Qari:1981).

Drs Li Chuan Siu juga menyebut bahawa orang yang paling besar pengaruhnya terhadap Ahmad Ismail ialah Sheikh Muhamad Yusuf Kenali (Li chuan Siu:1967). Menurut Abdullah Zaidi Hassan (2016) pula, Tok Kenali adalah seorang ulama yang berpandangan jauh. Beliau suka menasihati anak-anak muda supaya bergiat aktif dalam penulisan untuk memberi kesedaran agama dan membangkitkan semangat memperjuangkan kemajuan masyarakat Melayu di zaman penjajah. Pertemuan Tok Kenali dengan Ahmad Ismail, Abdul Kadir Adabi dan rakan-rakan penulis lain di Kelantan pada kebiasaannya selepas solat Asar di Masjid Jamiyyah Asriyyah di jalan Putera Semerak, Kota Bharu. Jam'iyyah Asriyyah telah diasaskan oleh Tok Kenali pada tahun 1924 di Jalan Putera Semerak, Kota Bharu. Asriyyah adalah perkataan dalam bahasa arab bermakna ‘semasa’. Tujuan Tok Kenali supaya *Jam'iyyah* ini menjadi tempat untuk membincangkan isu-isu semasa, terutama selepas Solat Asar di Musalla tersebut. Jika ditinjau sejarah *Jam'iyyah*, dapat dikatakan bahawa pemikiran awal telah dicetuskan oleh Syeikh Ahmad Zain Al Pattani yang telah menubuhkan *Jam'iyyah Fathaniah* di Mekah pada tahun 1883, bertujuan mencetak kitab-kitab agama, diikuti murid beliau Tok

Kenali yang menubuhkan Jam'iyyah Asriyyah di Kota Bharu dan diikuti juga oleh murid Syeikh Muhammad Zain iaitu Raja Haji Ahmad bin Raja Hj Omar Tengku Endut di Singapura yang menubuhkan Jam'iyyah Ahmadiyah dan Jam'iyyah Riauwiyyah di Riau yang bertujuan untuk mencetak kitab.

Abdullah Zaidi Hassan (2016) memberitahu di Jam'iyyah Asriyyah yang menjadi tempat perhimpunan Ahmad Ismail, Abdul Kadir Adabi, Tok Kenali dan penulis-penulis lain di Kelantan, membincang isu-isu semasa masyarakat Kelantan pada waktu itu. Jam'iyyah Asriyyah ini masih kekal hingga sekarang sebagai Musalla, tetapi ia dikenali dengan nama Jam'iyyah sahaja. Kemunculan Jam'iyyah-jam'iyyah tersebut dalam masa yang hampir sama menunjukkan pemikiran jam'iyyah adalah dicetuskan oleh guru mereka iaitu Syaikh Wan Ahmad bin Mohammad Zain Al Patani. Di sekitar Jalan Putera Semerah pada waktu itu dianggap 'Zon Ilmu' di Kota Bharu, kerana di sini terdapat pengajian-pengajian agama, kedai-kedai buku agama, percetakan-percetakan seperti al Hikmah Press, H.A Brothers, M.I. Ehsan, D.Y Brothers dan percekatakan-percetakan yang lain. Di kawasan ini juga adalah menjadi tapak awal bagi Sekolah Agama Naim Lil Banat, sebelum berpindah ke tempat barunya sekarang. Pertemuan di waktu petang diisi dengan perbincangan isu-isu semasa dan nasihat yang berguna. Menurut Ghazali (2016), selain di Jam'iyyah Asriyyah, mereka juga kerap berhimpun di rumah Dato' Perdana Menteri Paduka Raja Nik Mahmud di Kota Bharu berhadapan dengan kediaman Ahmad Ismail di Jalan Atas Banggol, Kota Bharu.

### Penglibatan Dalam Persuratan

Sebelum menerbitkan majalah al Hidayah dan al Hikmah, Ahmad Ismail menyumbangkan artikel-artikelnya dalam majalah Pengasuh terbitan MAIK. Tulisan beliau telah tersiar di dalam majalah *Pengasuh* pada 1921, yang membincangkan sifat-sifat yang mesti dimiliki oleh orang Melayu untuk mencapai kemajuan, antaranya sifat kerjasama yang perlu ada di antara anak bangsa, beliau menyebut;

*Bahawa tiada tercapai umat Barat (Eropah) itu kepada perkara-perkara yang mereka telah ada sekarang daripada 'umran dan tamadun' melainkan dengan tolong menolong dan bantu-membantu tiap-tiap seorang dari mereka itu. Maka kita umat timur yang terdiri dari sepotong bumi yang dinamakan Semenanjung Tanah Melayu istimewa pula kita sekalian Melayu keturunan daripada puak-puak yang mulia. Tidakkah kita mesti ingat hari kemuliaan datuk nenek kita yang telah lalu? Tidakkah kita mewarisi daripada pusaka-pusaka mereka itu? Padahal jika ingat kita akan hari datuk nenek kita yang telah menghunuskan hujung keris leming dan menyerahkan nyawanya dihujung segala senjata seterunya (Pengasuh :1921)*

Tulisan-tulisan Ahmad Ismail di dalam Pengasuh banyak menyentuh tentang kemunduran orang-orang Melayu di dalam bidang ekonomi berbanding kaum-kaum pendatang di Tanah Melayu. Kekesalan beliau tentang salah faham sebahagian anak Melayu yang meninggalkan bidang perniagaan kerana disangka tidak islamik. Beliau menyatakan;

*Hairan sebesar-besar hairan bila teringat kami di atas setengah-setengah perasaan anak-anak bangsa kami hendak mencabutkan diri mereka itu yang sedang menghisab-hisab jerijit-jerijit perniagaan yang lemak manis itu dan menghundurkan mereka itu daripada melangkahkan kaki perusahaan dan persungguhan ke dalam medan saujana kehidupan kekayaan dunia yang hijau dengan segala tumbuh-tumbuhan kebajikan itu. Betapa demikian? Kerana telah*

*memakai mereka dengan pakaian i'tiqad yang dunia ini bangkai dan penuntut-penuntutnya anjing bagaimana hadith.* (Pengasuh :1921)

Beliau terus mengingatkan golongan ini dengan katanya;

*Inilah yang menyebabkan tanah air kampung halaman kita dirampas oleh bangsa asing yang datang menduduki tanah air kita yang dikasihi. Hubaya hubaya. Pada hal jika celik mereka itu akan celik yang sebenar dan memerhatikan naik turun bangsa di buana ini, tak dapat tiada sedar mereka itu daripada selak kelalaian dirinya yang kurang pada serba-serbi yang boleh menunaikan kefarduan pada hari dunia dan akhirat kelak. Sebenarnya yang dunia ini fana, tetapi dengan dialah yang membawakan kepada akhirat bagaimana sabda Nabiyyuna wa Saayidinal Mustafa SAW ertinya “Bermula dunia itu tempat tanaman bagi akhirat” dan sabdanya lagi ertinya “Tiada sempurna agama melainkan dengan dunia” Ayuhai nafsu yang bercitakan tamadun bersingsinglah tuan tangan baju perusahaan pada suatu masa pada mencapaikean ketinggian kelakian tuan, berlarilah tuan pada melantaskan lata perlumbaan kekayaan dunia sekarang (Pengasuh :1921)*

### **Menubuhkan Matbaah Asasiah Dan Menerbitkan Majalah**

Minat yang tinggi Ahmad Ismail di dalam bidang persuratan dan penerbitan, mendorong beliau berusaha menuju sebuah percetakan sendiri yang dinamakan Matbaah Asasiah di Kota Bharu pada tahun 1922.

Jika ditinjau sejarah penubuhan Matbaah Asasiah ini, pada asalnya ia dikongsi bersama dengan dua orang rakan iaitu Hj Omar bin Hj Taib dan Hj Ismail, namun akhirnya dua rakannya itu telah menarik diri kerana masing-masing menuju matbaah sendiri. Hj Omar telah menuju Matbaah Al Kamaliah dan Hj Ismail, bapa saudara kepada Hj Omar telah menuju Ismailiah Press (Faridah Hanum:1992). Dengan tertubuhnya matbaah ini telah membolehkan Ahmad Ismail mengembangkan cita-citanya menjadi pengarang, penterjemah seterusnya menerbitkan majalah-majalah yang diterajunya. Majalah al Hidayah dan al Hikmah sebelum itu beliau banyak bergantung kepada percetakan Majlis Agama Islam Kelantan untuk menyiar hasil karyanya. Walaupun matbaah ini dimulakan Ahmad Ismail dengan modal ratusan ringgit sahaja, namun ia telah berkembang dan muncul sebagai sebuah matbaah yang penting di negeri Kelantan sebelum Perang Dunia Kedua (Pengasuh:1934).

Matbaah ini telah memulakan operasinya dengan menggunakan mesin-mesin yang kecil sahaja, tetapi pada tahun 1925, Ahmad Ismail telah menempah mesin-mesin yang lebih besar bagi menampung kegiatan matbaahnya yang sentiasa berkembang, di mana peralatan tersebut ditempat Ahmad Ismail secara terus dari London. Selain memiliki mesin besar dan kecil dan boleh mencetak huruf rumi dan jawi, kemudahan yang dimiliki matbaah ini (seperti yang digambarkan Ahmad Ismail) adalah setaraf dengan peralatan yang digunakan pejabat New Strait Times Singapura pada waktu itu:

*Mempunyai jentera membuat blok gambar dan kepala surat, lukisan-lukisan seperti “half ton” atau “line block” dan juga membuat lukisan tembaga “singa name plates” yang cukup alat-alatan elektrik dan penggambarnya yang sehabis-habis baharu yang diimport terus dari Eropah bagaimana pekerjaan-pekerjaan membuat blok-blok di pejabat Inggeris “Strait Times” yang masyhur di Singapura itu*

*setengah daripada contoh-contoh gambar dan kepala-kepala surat di dalam Al Hikmah ini daripada perbuatan kita sendiri* (Al Hikmah:1934).

Ahmad Ismail adalah seorang yang mempunyai cita-cita tinggi yang ingin melihat kejayaan anak-anak Melayu dalam persaingan dengan bangsa-bangsa yang lain. Penubuhan Matbaah Asasiah ini, selain untuk mendapat pulangan kewangan, beliau ingin membuktikan kemampuan orang Melayu dalam membuat kerja-kerja yang memerlukan kemahiran yang tinggi, menurut beliau;

*Oleh hal yang demikian kita berserulah kepada anak-anak bangsa kita semua supaya menyokong perusahaan kita dengan demikian itu dapatlah kita semua bermegah-megah dan menolakkan sendiri cela bangsa-bangsa asing ke atas anak-anak Melayu kita* (Al Hikmah:1934).

Beliau mengusahakan sendiri mesin-mesin tersebut berpandukan buku panduan yang disediakan sehingga akhirnya dengan usaha gigih tersebut, beliau berjaya menerbitkan keluaran pertama majalah *Al Hidayah* dengan berbekal modal sebanyak RM500.00 (Faridah Hanum:1992). Walaupun beliau adalah Mejar Asasiah Press ini, tapi beliau berkerja ‘*sama naik*’ dengan pekerja-pekerja lain untuk menjalankan kerja-kerja mencetak dan sebagainya (Zabidah, 2016). Kerana bagi Ahmad Ismail, anak kunci kejayaan itu ada pada tangan masing-masing. Oleh itu orang yang mengerti, dialah yang pandai membuka pintu-pintu rezeki di dalam kehidupan yang penuh dengan kepayahan dan halangan. Selanjutnya beliau menyebut;

*Apabila kamu sekalian dirikan dan sempurnakan pekerjaan yang dihadapkan kepada kamu itu dengan sebaik-baik pendirian serta sabar, cergas, gemar dan tidak berserah tawakkal semata-mata, maka tidak syak lagi bahawa kamu sekalian sampailah kepada perhinggaan kehendak*. (Al Hikmah:1936)

Berkat dari usaha yang gigih, matbaah ini berjaya menerbitkan majalah al Hidayah pada 1 Jun 1923. Ia diterbitkan secara bulanan dengan tulisan jawi, berukuran 6.2 inci lebar dan 9.2 inci panjang dan mengandungi 36 halaman setiap keluaran. Pengarang pertama majalah ini adalah Mohd Ghazali bin Mohd Arifin yang memegang jawatan tersebut hingga bulan Disember 1923 dan selepas itu jawatan pengarang disambung oleh Ahmad Ismail (Mohd. Redzuan bin Zakaria, 1985/86). Al Hidayah dianggotai oleh anggota-anggota lain seperti Mohd Ghazali Arifin, Mohd Adnan bin Arifin, Abdul Rahman Daud al Makki, Hassan bin Hj Omar, Muhamad bin Hj Sulung dan Dato’Mahmud bin Khatib Hj Mohd Said yang turut terlibat di dalam penulisan al Hidayah (A.M Iskandar, 1980).

Lahirnya al Hidayah ketika itu dapat bergerak seiring dengan Pengasuh yang merupakan majalah sulung di Kelantan, dilihat telah dapat menambah media baru di dalam menyebarkan kefahaman Islam pada waktu itu. Ruangan Pengasuh yang terhad tidak dapat menyediakan ruang yang secukupnya untuk menyiarkan tulisan-tulisan ulama yang ingin mengemukakan pendapat dan pengetahuan masing-masing mengenai masalah berkaitan agama (S. Othman Kelantan, t.t). Seruan-seruan di dalam al Hidayah senada dengan Pengasuh di dalam memperjuangkan kepentingan Melayu dan meningkatkan kefahaman Islam berkaitan aspek sosial, ekonomi dan politik. Tetapi malangnya umur al Hidayah tidaklah panjang kerana hanya sempat menemui pembaca selama 32 bulan dan terhenti penerbitannya pada bulan Februari 1926. Sebab-sebab terhentinya al Hidayah tidak dapat diperjelas dengan tepat, tetapi ia berkemungkinan berkaitan dengan masalah kewangan.

Setelah bersenggang masa selama lapan tahun daripada tarikh berhentinya al Hidayah, maka pada tahun 1 April 1934, Ahmad Ismail sekali lagi berjaya mengeluarkan majalah Al Hikmah, sebuah majalah bergambar pertama di Kelantan. Matbaah ini kemudiannya telah bertukar nama kepada matbaah Al Hikmah pada tahun 1939, mungkin kerana sempena nama majalah baru diterbitkan itu.

Matbaah ini kekal menjalankan operasi seperti biasa walaupun majalah al Hikmah dihentikan pada bulan November 1941, sehinggalah pengasasnya Ahmad Ismail meninggal dunia pada tahun 1969. Selepas Ahmad Ismail, pengurusan matbaah diambil alih oleh abangnya Hj Yusuf dan selepas Hj Yusuf pula meninggal dunia, tidak ada lagi waris yang mengambil alih pengurusannya, lalu lot kedai tempat operasi matbaah ini diserahkan pada tuannya yang asal secara rasminya pada tahun 1981 (Faridah Hanum:1992). Maka, boleh dianggap tarikh tersebut sebagai tarikh terhentinya Matbaah al Hikmah yang telah memberi khidmat yang cemerlang selama 59 tahun kepada masyarakat Kelantan khasnya dan masyarakat di Tanah Melayu amnya.

### Penglibatan Di Dalam Bidang Sosial

Selain menulis, Ahmad Ismail juga adalah seorang yang aktif dalam aktiviti sosial dan kemasyarakatan yang memperjuangkan kepentingan orang-orang Melayu dari segi ekonomi, politik dan sosial. Menurut Abdul Rahman Al Ahmadi, di Kelantan kelab-kelab atau perkumpulan berupa organisasi telah bermula sejak tahun 1915 yang diperkenalkan oleh Muhamad Ghazali bin Muhamad Arifin. Kelab yang didirikan oleh beliau dinamakan ‘Kota Bharu Kelab’, yang merupakan kelab terawal di Kelantan. Ahmad Ismail terlibat dengan kelab ini sebagai Penjaga Wang Kehormat (Abdul Raman Ahmadi :2001).

Pada tahun 1930-an, kemunculan banyak badan dan kelab untuk menjaga kepentingan orang Melayu di Kota Bharu kerana mereka mula menghadapi persaingan dari kaum pendatang dalam hal perniagaan dan sebagainya. Demi untuk menjaga bangsa Melayu dari terus ditekan dan ditindas, maka 20 April 1936, Persatuan Melayu Kelantan (PMK) telah ditubuhkan. Persatuan ini bertujuan untuk ‘*menyatakan anak-anak Melayu dan menjalankan ikhtiar bagi memajukan dan meninggikan mutu pendiriannya*’ (Al Hikmah :1939). PMK adalah satu persatuan elit yang rata-rata ahlinya terdiri daripada golongan atasan. Ahmad Ismail sebagai Bendahari PMK, Yang Dipertua ialah Nik Mohamad Salleh bin Omar, Naib Yang Dipertua ialah Nik Yahya bin Nik Daud dan Setiausaha ialah Hj Otmans bin Tahir. Manakala anggota-anggota yang lain terdiri daripada pegawai-pegawai kerajaan seperti Dato’ Hj Abdullah bin Mahmud, Dato’ Nik Hassan bin Wan Ahmad, Dato’ Nik Ahmad Kamil bin Nik Mahmud dan Dato’ Ismail bin Mahmud (Abdul Hamid Othman:tt). Pada 1941, Ahmad Ismail memegang jawatan Naib Yang Dipertua PMK (Al Hikmah :1941). Menjelang kedatangan Jepun ke Tanah Melayu pada 9 Februari 1940 telah ditubuhkan pula satu persatuan di Kelantan dengan nama ‘Persekutuan Persetiaan Melayu Kelantan’. Persekutuan ini bercorak sosial juga boleh dikatakan bercorak politik. Ahmad Ismail telah memegang Naib Yang Dipertua persatuan ini (Abdul Rahman Ahmadi: 2001).

Ahmad Ismail juga turut terlibat di dalam Persatuan Melayu Semenanjung yang ditubuhkan di Kelantan pada tahun 1939, yang dipengerusikan oleh Nik Muhamad Salleh bin Omar. Hasil mesyuarat pada 10 Februari 1939 telah dibentuk sebuah jawatankuasa undang-undang terdiri daripada Jaafar bin Mampak, Abdul Kadir Adabi bin Ahmad, Asaad Shukri Hj Muda, Haji Nik Yusuf bin Haji Ismail dan Nik Mahmud bin Hj Nik Abdul Majid. Dan sebuah jawatankuasa pengurusan juga telah dibentuk. Ahmad Ismail dilantik jawatankuasa Penyimpan Wang kepada persatuan ini. (Abdul Rahman Ahmadi :2001)

Pada tahun 1934, sebuah persatuan penulis telah ditubuhkan di Kelantan. Persatuan ini diberi nama Persatuan Penulis Muda Kelantan. Persatuan ini dipimpin oleh Muhammad Zain Hukmi sebagai pengurus dan Muhammad Yusuf Al Ayubi sebagai anggotanya. Ahmad Ismail turut terlibat dengan aktiviti-aktiviti persatuan ini dan menyiaran aktiviti-aktiviti persatuan ini di dalam ‘*Majlis Belia*’ di dalam *al Hikmah*.

Beliau juga aktif dalam Setiawan Belia yang merupakan kelab yang paling aktif di dalam kegiatan seni, diskusi ilmiah, syarahan, perbasahan dan lain-lain sehingga kedatangan Jepun. Setiawan Belia juga banyak menjalankan aktiviti-aktiviti Kesatuan Melayu Muda. Pada Julai tahun 1939, Abdul Kadir Adabi telah menganjurkan satu majlis diskusi ilmiah membincangkan tajuk ‘*Adakah sekarang patut didirikan Persatuan Melayu Se-Malaya*’. Pencadang ialah Cikgu Daud Jamil dan penyokong adalah Abdul Kadir Adabi, manakala pembahas adalah Abdul Rab At Tamimi dan penyokong adalah Hadhrami Noh. Pengadil kepada perbahasan ini adalah Ahmad Ismail. Di dalam memenuhi aktiviti Setiawan Belia, Ahmad Ismail turut menyampaikan ceramah tentang gerakan Muhammadiyah di Jawa yang dianggap sepatutnya dicontohi oleh orang Melayu sebab *Annas ala al Din Mulukihim dan al Jamhur ala din ulamaihin*. Pada 31 Ogos 1939, Setiawan Belia telah menganjurkan majlis syarahan bertajuk ‘*Bagaimana hendak membaiki pergaulan agama?*’. Majlis ini dipengerusikan oleh Ahmad Ismail, (Ahmadi:1998). Manakala pada 16 November 1939, Setiawan Belia telah menganjurkan majlis jamuan hari raya dan pertukaran ahli. Ahmad Ismail telah menyampaikan syarahan berkaitan kelebihan hari raya di dalam majlis tersebut (Abdul Rahman Ahmadi :2001)

Kesungguhan Ahmad Ismail bukan sahaja di dalam bidang penulisan dan penerbitan majalah, tetapi turut berusaha bersama Abdul Kadir Adabi, Asaad Shukri dan lain-lain di dalam menubuhkan Pertubuhan Jemaah Wartawan untuk menyatukan wartawan-wartawan (Abdul Rahman Ahmadi :2001). Ahmad Ismail juga aktif di dalam Dewan Bahasa Melayu, dimana pada tahun 1933 beliau sebagai Bendahari di dalam jawatankuasa tersebut. Manakala Yang Dipertua adalah Tengku Mahmud Mahyuddin. Nik Ahmad Kamil pula sebagai Timbalan Yang Dipertua dan Asaad Shukri sebagai Setiausaha (Ahmadi :2001). Beliau juga terlibat sebagai jawatankuasa di dalam Persekutuan Murid-Murid Tua Majlis dimana Yang Dipertua adalah Nik Ahmad Kamil bin Mahmud dan Setiausaha Kehormat adalah Tengku Hamzah. (Pengasuh:1934)

Dalam suasana kegawatan perang Jepun, satu Lembaga Penyelamat Harta Benda telah ditubuhkan di Kota Bharu. Tujuan Lembaga ini adalah untuk menyelamatkan harta benda yang rosak terkena serangan udara Jepun. Ahmad Ismail termasuk salah seorang ahli jawatankuasa kecil yang dipilih untuk tujuan tersebut, hasil perjumpaan penduduk bandar Kota Bharu bertempat di loteng gudang New Eletrikal Company dengan jemputan Nik Yahya bin Daud pada malam Ahad, 8 November tahun 1941 (Al Hikmah: 1941).

Ahmad Ismail adalah seorang tokoh yang mengorbankan masa, tenaga dan jiwa untuk kerja-kerja kebajikan serta membangunkan bangsa. Kegiatan luar beliau dapat dilihat di dalam *al Hikmah* melalui ruangan perkhabaran dalam negeri di dalam *al Hikmah*. Pejabat beliau di Matbaah Asasiah sentiasa menjadi tumpuan persinggahan dan kunjungan tokoh-tokoh dari dalam dan luar negara yang melawat Kelantan pada masa itu. Di dalam bidang pendidikan, beliau banyak membantu pelajar untuk menyambung pelajaran dalam dan luar negara. Beliau terlibat menguruskan pelajar ke Kuliah al Attas, Johor Baru, Madrasah Zainal Abidin al Arabiyah di Terengganu dan lain-lain. Beliau sendiri yang menghantar rombongan pelajar-pelajar tersebut ke Johor Bharu. Apabila pelajar-pelajar tersebut tamat pelajaran atau pulang

bercuti, beliau mengadakan majlis untuk meraikan mereka. Bagi menyempurnakan hasrat pelajar untuk menyambung pengajian ke peringkat universiti pula, (ketika itu belum ditubuhkan universiti di Malaya), beliau telah berhubung dengan pihak Aligarh Muslim Universiti di India kerana perbelanjaan pengajiannya lebih murah berbanding universiti di Eropah yang menjadi pilihan anak-anak bangsawan Melayu. Beliau mengumumkan pembukaan universiti tersebut kepada anak-anak Melayu di dalam tulisannya bertajuk '*Pintu Aligarh Muslim Universiti terbuka kepada anak-anak orang Melayu*' (Al Hikmah :1936).

Khidmat kebajikan beliau bukan sahaja di dalam bidang pendidikan, tetapi juga bidang yang berlainan. Sebagai contoh, beliau membantu seorang perempuan bernama Siti Hara bt Lamat yang dijatuhkan hukuman gantung sampai mati di Mahkamah Pahang kerana kesalahan membunuh seorang Cina bernama Chung Wah. Beliau telah menulis surat rayuan yang panjang yang ditandatangan beliau sendiri kepada Baginda Sultan Abu Bakar Sultan Pahang ketika itu, lalu diperkenankan oleh Baginda Sultan dan diringankan hukuman ke atas Siti Hara bt Lamat dari hukuman bunuh kepada hukuman penjara seumur hidup. Di antara isi surat beliau;

*Patik tiadalah berniat mendatangkan apa-apa bantahan atau hendak mengganggu di atas keadilan Mahkamah Tinggi kerajaan Tuanku yang teramat kena itu, hanyalah patik mengambil bahagian secara ahli-ahli akhbar daripada hamba rakyat Melayu (Al Hikmah :1934).*

Selepas tamat Perang Dunia Kedua, Ahmad Ismail tidak lagi aktif di dalam penulisan. Beliau hanya memberi tumpuan kepada pengurusan Matbaah al Hikmah, selain sibuk di dalam urusan pentadbiran Kerajaan Kelantan. Di atas jasa dan sumbangan besar kepada negeri Kelantan, beliau telah dikurniakan pingat kebesaran oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim, yang membawa gelaran Dato' Lela Negara. Pada tahun 1951 beliau telah memegang jawatan Yang Dipertua Majlis Agama Islam Kelantan (MAIK). Sebelum dianugerahkan gelaran tersebut, beliau pernah memegang jawatan sebagai Jasa Pendamai dan pernah menjadi ahli Exco Kerajaan Negeri Kelantan. Beliau juga pernah mewakili Kelantan bersama Che Man Tumpat (Kerani Besar Bousted ketika itu) ke Kuala Lumpur sewaktu hal-hal kerakyatan Tanah Melayu disusun. Disebabkan jasa-jasa beliau ini, maka nama beliau telah disenaraikan oleh Menteri Besar Kelantan (Tengku Hamzah Tengku Sri Maharaja) di dalam cadangan untuk mendapat *Order of The British Empire* (O.B.E) dari Queen di England.

### **Kematian Dan Peninggalan Hasil Karya**

Menurut Ghazali iaitu anak kepada Ahmad Ismail (2016) ayahnya menghembuskan nafas yang terakhir pada 12 Ogos 1969 (Che Ismail Che Daud:2007) di rumahnya di nombor 45, Jalan Atas Banggol, Kota Bharu kerana sakit tua. Menurut Ghazali Ahmad (2016), beliau sebelum itu mengalami penyakit tekanan darah tinggi dan kencing manis.

Bidang penulisan merupakan bidang utama yang diceburi oleh Ahmad Ismail. Minat beliau dalam penulisan bermula sejak berada di Madrasah Muhammadiyah. Guru beliau dalam ilmu penulisan adalah Dato' Laksamana. Justeru boleh dilihat sumbangan beliau sangat ketara dalam bidang persuratan. Beliau telah menyumbangkan sejumlah karya sastera yang bermanfaat untuk generasi hari ini. Menurut Uthman El Muhammadi (2010), Ahmad Ismail Asasi seorang tokoh penting yang perlu diberi penilaian yang sewajarnya dalam warisan penulisan dan penterjemahan di kawasan Timur.

Walaupun hasil-hasil peninggalan Ahmad Ismail banyak berbentuk novel-novel saduran dari bahasa Arab dan gaya bahasa yang cenderung ke arah gaya penulisan di Mesir, tetapi hasil peninggalan karya-karya tersebut banyak memberi manfaat kepada bangsa Melayu.

Penulis mendapati sejumlah karya sastera peninggalan Ahmad Ismail dalam bentuk buku yang dicetak oleh Matbaah Asasiah yang tersimpan di Perpustakaan peribadi Ahmad Ismail di rumahnya di no: 45 Jalan Atas Banggol Kota Bharu. Di atas jasa baik En. Ghazali Ahmad, penulis berpeluang menelaah karya-karya tersebut.

Antara karya Ahmad Ismail adalah seperti Tut Ankh Amun, Pahlawan Perkasihan dan Peperangan, Cogan Setia, Selamat Tinggal Ayuhai Timur, Tarikh Perjalanan al Ghazi Mustafa Kamal Basha dan Tarikh Pergerakan Kewatanan Turki, Acuman Kasih Duke Windsor atau Perempuan yang Saya Kasih Akandia, Turki Baharu, Puteri Mesir dengan Pahlawan Raja Rom, Bayang Hitam, Kumpulan Kala, Zarina dan Rasputin atau Permaisuri Rusia dengan Padri Rasputin, Kerana Mahkota, Penyuluhan Bahagia dan Sejehtera dan Peperangan Tripoli.

Selain karya-karya tersebut, terdapat juga sejumlah karya yang tidak dibukukan, tetapi hanya disiarkan secara bersiri di dalam majalah al Hikmah. Antaranya adalah Pundi-Pundi Biru, Kecenderungan Perempuan, Dua orang Lelaki Seorang Wanita, Kuat Kuasa Perasaan atau Rahsia Kasih, Puteri Insan dan Batu Kepandaian.

Beliau juga pernah menyunting buku bertajuk Tikaman Bahasa yang dikarang oleh Mohd Adnan bin Mohamad Arifin. Buku ini membincangkan ilmu bidalan dan perumpamaan di dalam bahasa Melayu. Di dalamnya mengandungi sebanyak 2121 bidalan dan perumpamaan yang mengandungi 128 perkataan-perkataan pendeta (Al Hikmah :1940).

## **Penutup**

Kesimpulannya, Ahmad Ismail Asasi adalah seorang tokoh yang tidak hanya memiliki pemikiran progresif, tetapi juga berperanan penting dalam membentuk minda dan budaya hidup berteraskan agama di Kelantan. Melalui karya-karyanya dalam bidang penulisan dan dakwah, beliau telah memberi sumbangan besar dalam meningkatkan kesedaran keagamaan, sosial, dan politik di kalangan masyarakat Kelantan. Warisan intelektual dan semangat perjuangan beliau tetap relevan hingga kini, memberi inspirasi kepada generasi masa kini untuk terus memperjuangkan nilai-nilai keagamaan dan kemajuan dalam masyarakat Melayu. Dengan demikian, Ahmad Ismail Asasi tetap menjadi contoh teladan bagi kita semua dalam mengejar kecemerlangan dan keunggulan dalam kehidupan beragama dan sosial.

## **Rujukan**

- Abdul Razak Mahmud (2010) Majlis Agama Islam Kelantan.
- Abdul Rahman Al Ahmadi (1998). *Setiawan Belia*. Dalam Warisan Kelantan V. Diselenggara oleh Nik Mohamed bin Nik Mohd Salleh, Kota Bharu. Perbadanan Muzium Negeri Kelantan.
- Abdul Rahman Al Ahmadi (2004). *Abdul Kadir Adabi dan Asaad Shukri, Suatu Perbandingan*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Alias Muhammad (t.t). *Gerakan Sosial dan Politik Kelantan*. Kuala Lumpur: Insular Publishing House.
- Alias Muhammad (t.t). *Intelejensi Melayu Kelantan*. Kuala Lumpur. Insular Publishing House Sdn. Bhd.
- Al Hidayah, bil 1, 1 Jun 1923.

- Al Hikmah. Bil: 356. 15 November 1941.
- Al Hikmah. Bil 93, 25 Jun 1936.
- Al Hikmah. Bil 15.10 Ogos 1934.
- Al Hikmah. 1 April 1934.
- Al Hikmah Bil. 1. 1 April 1934.
- Al Hikmah. Bil. 79. 10 Mac 1936.
- A.M Iskandar (1980). *Persuratkhabaran Melayu. 1876-1968*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ashaari Bin Yusoff (1975/76)
- Abdullah Al Qari, *Tok Kenali dan Perjuangannya*, Jurnal Sejarah Kelantan, Persatuan Sejarah Malaysia, cawangan Kelantan.
- Che Ismail Che Daud (2007). h.664
- Drs Li Chuan Siu (1967). *Iktisas Sejarah Kesusasteraan Melayu Baru 1830 – 1945*. Kuala Lumpur. Pustaka Antara.
- El Muhammadi (2010) *Memperkasakan Warisan Persuratan Melayu Wilayah Timur Laut dalam Peradaban Melayu Timur Laut*. susunan A.Aziz Deraman. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Faridah Hanum binti Hassan (1992). *Al Hikmah: Sejarah dan Sumbangannya Terhadap Masyarakat Melayu Kelantan 1934-1941*. Jabatan sejarah. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Pengasuh. Bilangan: 461. Bertarikh 5 Julai 1934.
- Pengasuh. Bilangan 525. Bertarikh 26 September 1935.
- Pengasuh, bil: 448, 5 April 1934.
- Mohd. Redzuan bin Zakaria (1985/86). Majalah Pengasuh, Al Hidayah dan Al Hikmah, Perbandingan Tema. Latihan Ilmiah Jabatan Sejarah. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- S. Othman Kelantan (t.t). *Kegiatan Penulisan di Kelantan*. Dewan Masyarakat.Januari 1971.
- Salahuddin Abdullah (2010). *Sejarah PAS Kelantan*. Kota Bharu. Badan Perhubungan Pas Negeri Kelantan.

## TEMUBUAL

- Ghazi bin Ahmad (anak Ahmad Ismail), 10 Januari 2016, Kota Bharu, jam 10.30pagi.
- Ghazali Ahmad, 10 Januari 2016, Jalan Atas Banggol Kota Bharu, Kelantan, jam 10.30pagi hingga 3.00 petang
- Ghazali Ahmad (anak Ahmad Ismail), pada 3 Februari 2016.
- Hj Abdullah Al Qari, 1 Oktober 2015, jam 5.30 petang, Kampung Kenali, Kubang Kerian.
- Hj Abdullah Zaidi Hassan, 4 Januari 2016, Pustaka Az Zahra', Kota Bharu, jam 9.30 pagi.
- Zabidah Hassan, 6 Januari 2016, jam 10.30, Kg Kota, Kota Bharu, Kelantan.
- Zabidah Hassan, 6 Jan 2016, jam 11.30, di Kg Kota, Kota Bharu, Kelantan.